

## **STRATEGI PEMBELAJARAN MEMBACA BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI DI WILAYAH YALA, SELATAN THAILAND**

Muhammad Alee Song<sup>i</sup> & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (*Pengarang Bersama*). Pelajar Sarjana, Fakulti Pendidikan, UKM. p93182@siswa.ukm.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan, UKM. munaruzanna@ukm.edu.my

### **Abstrak**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan strategi pembelajaran bahasa Melayu (SPBM) bagi kemahiran membaca dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di wilayah Yala, Selatan Thailand. Kajian ini berlandaskan Klasifikasi Strategi Pembelajaran Bahasa (Wenden, 1991) yang membahagikan strategi pembelajaran kepada dua, iaitu (i) strategi kognitif: memilih maklumat, memahami, simpan, dan dapatkan semula maklumat; dan (ii) strategi pengurusan diri: memantau atau menguruskan proses pembelajaran seperti pembelajaran sendiri. Seramai 30 orang pelajar telah dipilih secara rawak mudah bagi menjawab borang soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Science (SPSS) versi 23.0 dengan menggunakan statistik deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar IPT mempunyai tahap penguasaan kemahiran membaca bahasa Melayu pada tahap yang sederhana (3.23). Tumpuan ketika guru membaca teks bahasa Melayu (min, 3.60) merupakan SPB yang paling kerap digunakan oleh pelajar IPT di Yala. Kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu pelajar dan guru bagi memilih strategi pembelajaran bahasa yang sesuai supaya dapat meningkatkan tahap penguasaan membaca bahasa Melayu dalam kalangan pelajar khususnya pelajar yang mengambil bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

**Kata kunci:** *Strategi pembelajaran, bahasa Melayu, bahasa asing*

### **1.0 PENGENALAN**

Bahasa adalah suatu elemen yang begitu penting dalam kehidupan manusia. Bahasa digunakan sebagai medium untuk berkomunikasi sesama ahli di dalam masyarakat sama ada secara lisan atau bertulis. Penggunaan bahasa yang baik dan betul serta teratur dapat memberi makna yang mendalam terhadap komunikasi manusia dalam menyampaikan sesuatu mesej, kehendak, perasaan, pendapat dan memahami orang lain melalui komunikasi. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, bahasa ialah medium utama yang terpenting dalam menyampaikan sesuatu maklumat daripada guru ke murid. Untuk mendapatkan atau menguasai sesuatu bahasa memerlukan teknik, cara atau langkah yang betul, sesuai dan berkesan atau dikenali dengan strategi pembelajaran. Strategi pembelajaran merupakan langkah atau cara yang diamalkan oleh pelajar untuk menyusun pembelajaran mereka supaya pembelajarannya lebih mudah, menarik dan berkesan. Menurut Oxford (1990) strategi pembelajaran adalah langkah atau cara untuk membantu, mempercepatkan dan memudahkan para pelajar untuk memahami apa yang mereka belajar. Selain itu, ia juga melatih dan memberi peluang kepada pelajar untuk menjadi lebih matang, berdikari dan cekap dalam mengaplikasi pelbagai strategi pembelajaran yang diketahui mengikut situasi khususnya dalam proses pembelajaran bahasa.

### **1.1 PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI IPT THAILAND**

Negara Thailand merupakan salah satu negara di ASEAN yang tidak pernah dikuasai dan dijajah oleh mana-mana negara kuasa di dunia, namun sebaliknya negara ini telah menjajah beberapa buah negeri Melayu di selatan negara itu dan menjadikan negeri jajahannya sebahagian daripada wilayahnya. Latar belakang sejarah negara ini sangat berbeza apabila dibandingkan dengan negara jirannya seperti Malaysia dan Indonesia sama ada dari segi dasar dan perancangan bahasa (Norizah, 2005). Negara Thailand mempunyai 60 bahasa dari pelbagai etnik. Bahasa tersebut dibahagikan kepada tiga kelompok bahasa iaitu bahasa Thai baku atau standard, dialek-dialek

Thai dan bahasa minoriti (Hayati et al., 2016 dalam Fazal & Mohammad, 2016). Bahasa Thai baku atau standard merupakan bahasa yang menyatu padukan penduduk di seluruh negara Thailand. Bahasa Thai baku juga merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Ia berfungsi sebagai lambang penyatuan seluruh bangsa dan digunakan di semua aspek penggunaan rasmi seperti bidang pendidikan, pentadbiran, media dan sebagainya. Semua jenis sekolah (kebangsaan/swasta) walaupun di kawasan-kawasan yang mempunyai ramai penduduk minoriti seperti Melayu di Selatan Thailand menggunakan bahasa Thai baku untuk mengajar semua jenis mata pelajaran. Namun penggunaan bahasa selain dari bahasa Thai baku (selepas ini akan menggunakan istilah bahasa Thai sahaja) adalah dibenarkan tetapi terhad (Kamsiah, 2010).

Sistem pendidikan Thailand mengutamakan bahasa Thai sebagai bahasa pengantar di semua peringkat pengajian sama ada diperingkat sekolah (rendah dan menengah) mahupun di peringkat pengajian tinggi. Hal ini, kerana bahasa Thai merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara yang mana bahasa ini menjadi bahasa utama bagi penduduk negara ini. Ia berbeza dengan penduduk di bahagian selatan negara yang bersempadan dengan negara Malaysia yang mana majoriti penduduknya adalah berbangsa Melayu. Bagi wilayah Selatan Thailand, terdapat dua dialek bahasa Melayu yang digunakan iaitu dialek Melayu Patani dan dialek Melayu Satun yang mana ia merupakan bahasa pertama (bahasa ibunda) dan bahasa Thai adalah bahasa kedua mereka (bukan bahasa asing) (Phaitoo dalam Kamsiah, 2010).

Pembelajaran bahasa Melayu di Selatan Thailand, bagi sekolah rendah/menengah swasta aliran agama mengutamakan bahasa Melayu berbanding bahasa Thai dalam proses pengajaran dan pembelajaran, manakala di sekolah rendah/menengah kebangsaan bahasa pengantar adalah bahasa Thai dan bahasa Melayu hanya digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran subjek pengajian Islam dan program dwibahasa (bahasa Melayu- bahasa Thai) telah dilaksanakan di beberapa buah sekolah rendah kebangsaan.

Di peringkat pengajian tinggi pula, bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran adalah bahasa Thai dan semua bahasa selain bahasa Thai termasuk bahasa Melayu merupakan bahasa asing. Terdapat beberapa institut pengajian tinggi (IPT) di negara Thailand khususnya di wilayah Selatan Thailand telah menawarkan program bahasa Melayu sebagai bahasa asing (bahasa timur). Antara IPT yang terawal yang menawarkan program bahasa Melayu ialah Universiti Thaksin dan Universiti Prince of Songkla, kampus Pattani. Pada tahun 2008, Universiti Islam Yala (nama sekarang ialah Universiti Fatoni (FU)) merupakan IPTS juga turut menawarkan ijazah pertama program bahasa Melayu. Seterusnya pada tahun 2009, Universiti Prince Naradhiwas telah menawarkan kursus bahasa Melayu sebagai subjek pilihan dan diikuti dengan Universiti Rajabhat Yala (YRU) (2010) telah menawarkan ijazah pertama program Bahasa Melayu (Hishamudin Isa et al, 2017). Pada beberapa tahun berikut, YRU dan FU telah menawarkan ijazah pertama program Pendidikan Bahasa Melayu.

Sebagai contoh YRU merupakan salah satu institut pengajian tinggi awam (IPTA) telah menawarkan program ijazah pertama Bahasa Melayu dan Pendidikan Bahasa Melayu. Penawaran tersebut mempunyai beberapa tujuan dan kepentingan antaranya untuk memenuhi permintaan masyarakat tempatan dan juga permintaan pihak kerajaan untuk mengisi tenaga guru bahasa Melayu di sekolah-sekolah kerajaan sama ada sekolah rendah mahupun sekolah menengah (Phaosan, 2014). Selain itu, hasil daripada pertubuhan ASEAN dan prinsip "Arus Kependudukan Asean" yang bertujuan untuk menyatukan perhubungan dan perdagangan negara-negara Asean. Pihak kerajaan dan swasta menganggap bahawa bahasa Melayu adalah bahasa yang sangat penting dalam komuniti ASEAN yang mana mempunyai ramai bilangan penduduk yang menggunakan bahasa ini dan merupakan bahasa perhubungan di negara-negara ASEAN seperti Malaysia, Singapura, Indonesia, Brunei Darussalam, di Selatan Filipina dan juga di Selatan Thailand (Worawit, 1999). Sehubungan dengan itu, kurikulum program bahasa Melayu di YRU telah memberi penekanan terhadap kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar-bertutur, membaca, dan menulis. Sebagai contoh kemahiran membaca yang menekankan tentang bunyi

dan sebutan yang betul dalam bahasa Melayu. Oleh itu, pelajar YRU perlu mempunyai strategi pembelajaran bahasa Melayu (SPBM) yang betul dan sesuai serta berkesan bagi meningkatkan penguasaan dan kemahiran berbahasa.

Strategi pembelajaran bahasa Melayu (SPBM) meliputi kemahiran mendengar-bertutur, membaca, dan menulis. Fokus utama kajian ini adalah SPB bagi kemahiran membaca bahasa Melayu dalam kalangan pelajar IPT. Menurut Ab. Razak dan Saiful Haq (2011) yang menyatakan bahawa tahap penguasaan BM pelajar di Thailand khususnya penguasaan bacaan BM berada pada tahap yang sangat lemah kerana pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran tidak sesuai dengan keadaan setiap pelajar. Berdasarkan kenyataan tersebut, telah mendorong pengkaji untuk mengenal pasti tahap penguasaan strategi pembelajaran bahasa Melayu (SPBM) bagi kemahiran membaca dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Wilayah Yala, Selatan Thailand.

### **1.2.1 STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU (SPBM)**

Perkataan “strategi” berasal daripada perkataan “strategia” dalam bahasa Greek Kuno yang membawa maksud kemahiran seni peperangan atau berkenaan dengan pengurusan ketenteraan. Kemudian penggunaan perkataan ini berkembang kepada bidang selain daripada bidang ketenteraan iaitu bidang pendidikan dan sebagainya dengan memberi makna yang baru (Oxford, 1990).

Antara definisi SPB terawal yang dikemukakan oleh beberapa pengkaji terdahulu ialah Rubin (1975), menyatakan bahawa SPB merupakan teknik atau cara tertentu yang digunakan oleh pelajar bagi memperoleh sesuatu ilmu pengetahuan. Rigney (1978) mentakrif SPB sebagai langkah atau tindakan yang selalu dilakukan secara sedar untuk mempertingkatkan pemerolehan maklumat (Kamarul & Mohamed Amin 2010). Bialystok (1978) mendefinisikan SPB sebagai langkah-langkah yang diambil bagi menggunakan dan mengeksploitasikan maklumat yang ada untuk mempertingkatkan kecekapan dalam bahasa kedua. Wenden dan Rubin (1987) mendefinisikan SPB sebagai strategi yang menyumbangkan ke arah perkembangan sistem bahasa yang dibina oleh pelajar dan mempengaruhi pembelajaran mereka secara langsung.

Menurut Oxford (1990), SPB adalah tindakan, langkah atau teknik tertentu yang dilakukan oleh pelajar untuk menguasai pembelajaran mereka dengan lebih mudah, cepat dan lebih seronok. O’ Malley dan Chamot (1990) pula beliau berpendapat bahawa strategi merupakan suatu alat untuk mengaktif, penglibatan lebih ke arah sendiri bagi memperkembangkan penguasaan atau keupayaan komunikatif dalam proses pembelajaran bahasa. Mohamed Amin (2000), SPB bertujuan membantu pelajar untuk menguasai proses pembelajaran dengan lebih mudah, cepat, menyeronok, cekap dan membawa perubahan kepada situasi yang baru (Fa’izah et al 2010). Oxford (1990) telah membahagikan strategi pembelajaran kepada dua jenis utama iaitu strategi pembelajaran bahasa secara langsung dan strategi pembelajaran bahasa secara tidak langsung. Jenis pertama, strategi pembelajaran bahasa secara langsung terdiri daripada strategi ingatan, strategi kognitif dan strategi ganjaran. Manakala jenis kedua, strategi pembelajaran bahasa secara tidak langsung meliputi strategi metakognitif, strategi afektif dan strategi sosial.

Beberapa kajian lepas berkenaan dengan startegi pembelajaran bahasa (SPB) menunjukkan bahawa SPB dapat membantu pelajar untuk menguasai sesuatu bahasa dengan cepat dan mudah. Bagi kajian SPBM bermula dikaji pada tahun 1998 oleh Abu Talib tentang gaya dan strategi pembelajaran bahasa. Kajian tersebut mendapati bahawa pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan strategi pembelajaran bahasa berbanding dengan pelajar lemah dalam mempelajari bahasa Melayu. Begitu juga dengan dapatan kajian Rahani dan Mohd Nazali (1999) berkenaan hubungan antara strategi pembelajaran bahasa Melayu mengikut faktor pencapaian bahasa Melayu ketika belajar bahasa Melayu di dalam kelas, di luar kelas dan semasa menghadapi peperiksaan. Zamri, Jamaluddin dan Mohammed Amin (2006) dalam kajiannya mendapati bahawa pelajar cemerlang daripada pelbagai etnik di Malaysia lebih gemar menggunakan

pelbagai SPB ketika belajar BM di dalam kelas. Hal ini telah ditegaskan oleh Zamri (2004) bahawa penggunaan SPB dipercayai dapat membantu pelajar untuk meningkatkan penguasaan BM iaitu dengan hanya menggunakan strategi yang betul, sesuai dan berkesan, pelajar akan mencapai kejayaan dalam pembelajaran BM.

Berdasarkan huraian dan perbincangan di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa SPB merupakan langkah, cara, teknik atau tindakan tertentu yang diamalkan oleh pelajar untuk mempermudah dan mempercepatkan proses pembelajaran bahasa. Kepelbagai SPB yang digunakan oleh pelajar dapat membantu pelajar untuk menguasai sesuatu bahasa dengan cepat, mudah dan berkesan.

## **2.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan strategi pembelajaran bahasa Melayu (SPBM) bagi kemahiran membaca dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di wilayah Yala, Selatan Thailand. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu melalui kaedah tinjauan. Seramai 30 orang pelajar IPT telah dipilih secara rawak mudah sebagai responden kajian. Instrumen soal selidik strategi pembelajaran bahasa Melayu (SPBM) yang digunakan oleh pengkaji telah diubah suai daripada Mohamed Amin (2000), Zamri, Kamariah Ayu dan Wan Muna Ruzanna (2016). Soal selidik ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A (demografi) dan bahagian B (SPB bagi kemahiran berbahasa iaitu kemahiran membaca BM). Data soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistic Package for Science Social* (SPSS) versi 23.0 dengan menggunakan statistik deskriptif.

## **3.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Kemahiran membaca merupakan kemampuan seseorang individu untuk memahami dan mentafsirkan sesuatu perkara dengan betul dan tepat. Pelbagai strategi pembelajaran bahasa bagi kemahiran membaca BM yang diamalkan oleh pelajar IPT di wilayah Yala, Selatan Thailand.

**Jadual 1.** Strategi pembelajaran membaca bahasa Melayu

Item Soalan	Skala Likert					Min	SD
	1	2	3	4	5		
	Kekera pan (%)	Kekera pan (%)	Kekera pan (%)	Kekera pan (%)	Kekera pan (%)		
1. Saya membaca majalah dalam BM	2 (6.7)	13 (43.3)	14 (46.7)	1 (3.3)	0 (0.0)	2.47	.681
2. Saya membaca teks/petikan BM dengan teliti dan penuh perhatian	4 (13.3)	18 (60.0)	8 (26.7)	0 (0.0)	0 (0.0)	3.13	.629
3. Saya membaca pelbagai buku dalam BM yang minat dan mudah difahami	7 (23.3)	20 (66.7)	3 (10.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	2.87	.571
4. Saya membaca teks/petikan online dalam BM	2 (6.7)	7 (23.3)	16 (53.3)	5 (16.7)	0 (0.0)	2.80	.805
5. Saya membaca sari kata di TV dalam BM dapat meningkatkan kemahiran membaca saya	17 (56.7)	12 (40.0)	1 (3.3)	0 (0.0)	0 (0.0)	2.47	.571
6. Saya membuat latihan membaca secara berulang kali	5 (16.7)	16 (53.3)	4 (13.3)	5 (16.7)	0 (0.0)	3.30	.952
7. Saya meminta rakan sekelasmembetulkan kesalahan semasa membaca teks BM	2 (6.7)	5 (16.7)	14 (46.7)	6 (20.0)	3 (10.0)	3.10	1.029
8. Saya meminta guru membetulkan kesalahan semasa membaca teks BM	3 (10.0)	3 (10.0)	14 (46.7)	7 (23.3)	6 (20.0)	3.33	1.213
9. Saya memberi tumpuan ketika guru membaca teks BM	0 (0.0)	3 (10.0)	13 (43.3)	7 (23.3)	7 (23.3)	3.60	.968
10. Saya membaca teks BM sebelum pembelajaran bermula	2 (6.7)	6 (20.0)	12 (40.0)	7 (23.3)	3 (10.0)	3.10	1.062

Jadual 1 membincangkan SPB membaca bahasa Melayu yang diamalkan oleh pelajar IPT di wilayah Yala, Selatan Thailand. Sebanyak 10 item soalan ditanya kepada responden tentang strategi pembelajaran membaca bahasa Melayu. Item 9 (Saya memberi tumpuan ketika guru membaca teks BM) dengan min 3.60 merupakan item yang paling tinggi. Manakala item soalan 1 (Saya membaca majalah dalam BM) dan 5 (Saya membaca sari kata di TV dalam BM) dapat

meningkatkan kemahiran membaca saya) dengan min 2.47 berada pada tahap yang paling rendah.

Secara terperinci, bagi item soalan 1 dan 3. Kedua-dua item soalan tersebut berkenaan dengan bahan cetak berada pada tahap rendah dengan min (2.47) dan (2.87). Hal ini kerana, kebanyakan buku ditulis dalam bahasa Thai. Selain itu, bahasa utama negara Thailand adalah bahasa Thai. Oleh demikian, telah memberi kesan kepada kedudukan, perkembangan dan penggunaan bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa yang kurang penting di negara ini. Penggunaan bahasa Melayu sama ada di media cetak mahupun media massa adalah terhad (Kamsiah, 2010).

Item soalan 4 mempunyai tahap rendah dengan min 2.80 kerana kekurangan alat bantu mengajar seperti komputer, projekter dan sebagainya, pada masa yang sama PdPc tidak dapat menarik minat pelajar. Dapatan ini selari dengan dapatan Fathiyah (2008) yang menyatakan bahawa alat-alat bantu mengajar seperti komputer, internet, projekter dan lain-lain kelengkapan alat bantu mengajar hanya terdapat di beberapa buah sekolah malah beberapa buah sekolah mampu hanya diadakan oleh pihak pentadbiran sekolah dengan bilangan yang terhad. Selain itu, bahan bantu mengajar yang sedia ada tidak dapat menarik minat pelajar untuk mengikut proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Oleh hal demikian, minat dan motivasi pelajar menjadi semakin berkurang dan tahap pemahaman serta penguasaan BM pelajar juga ditahap yang rendah.

Item soalan 5 berada pada tahap yang paling rendah dengan min 2.47 kerana siaran TV di Thailand yang menyediakan sari kata dalam bahasa Melayu (tulisan Jawi) hanya terdapat 2 siaran sahaja iaitu TV 11 (NBT Yala) dan TV 9 (Modern 9 TV).

Item soalan 2 berada pada tahap sederhana dengan min 3.13. Begitu juga dengan item soalan 6 dan item soalan 10 masing-masing berada pada tahap sederhana dengan min 3.10 dan dengan min 3.30. ketiga-tiga item soalan ini menunjukkan bahawa pelajar IPT kurang memberi perhatian, tumpuan, kurang membuat latihan serta persediaan untuk mempelajari BM kerana kedudukan BM di Thailand bukanlah bahasa utama untuk mendapat pekerjaan khususnya menjawab jawatan kerajaan. Disebabkan itu, maka minat dan motivasi untuk mempelajari BM semakin kurang.

Item soalan 7 dan item soalan 8 berada pada tahap sederhana yang mana masing-masing mempunyai min 3.10 dan 3.33. Kedua-dua item soalan ini menunjukkan pelajar IPT masih merujuk guru dan rakan sekelas yang fasih berbahasa Melayu dalam memperbaiki serta memperbetulkan kesalahan membaca mereka. Malahan masih terdapat kekurangan tenaga atau individu yang betul-betul mahir dalam bahasa Melayu yang boleh dirujuk oleh pelajar.

Dan item soalan 9, item soalan ini mempunyai tahap sederhana dengan min 3.60 (paling tinggi). Hal ini kerana penggunaan BM sepenuhnya hanya berlaku semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Oleh itu, pelajar akan memberi tumpuan sepenuhnya semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Keseluruhannya mendapati bahawa pelajar IPT di wilayah Yala, Selatan Thailand mempunyai tahap penguasaan kemahiran membaca BM iaitu sederhana (min 3.23). Dari segi penggunaan strategi pembelajaran bahasa (SPB) bagi kemahiran membaca BM pula, pelajar menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bahasa bagi meningkatkan kemahiran membaca BM. Dalam kajian ini SPB yang kerap diamalkan oleh pelajar adalah SPB memberi tumpuan ketika guru membaca teks BM, SPB meminta guru membetulkan kesalahan semasa membaca teks BM, SPB membuat latihan membaca secara berulang kali dan seterusnya. Strategi tersebut merupakan SPB yang kerap diamalkan oleh pelajar bagi membantu untuk meningkatkan penguasaan dan kemahiran membaca BM. Dapatan kajian ini bertepatan dengan beberapa

kajian SPB sebelum ini yang mengkaji aspek kemahiran berbahasa. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Yang (1995), Kang (1997), Mohamed Amin et al. (2002) dan Zamri & Mohamed Amin (2005). Zamri dan Mohamed Amin (2005) menyatakan bahawa untuk menguasai kemahiran membaca, pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan pelajar lemah. Dapatan tersebut selari dengan dapatan kajian sebelumnya yang dijalankan oleh Hamidah, Melor dan Norzaini (2002). Yang (1995) dan Kang (1997) dalam kajiannya menyatakan bahawa pelajar yang menguasai bahasa Inggeris menggunakan pelbagai SPB bagi kemahiran membaca yang mana melibatkan strategi metakognitif dan kognitif semasa mempelajari bahasa Inggeris. Begitu juga dengan dapatan kajian Pickard (1995) menyatakan bahawa pelajar lebih gemar menggunakan pelbagai SPB ketika belajar bahasa Inggeris. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar yang banyak menggunakan SPB dapat meningkatkan penguasaan dan kemahiran berbahasa (Zamri, Mohamed Amin & Nik Mohd Rahimi, 2010).

#### **4.0 CADANGAN**

Setelah meneliti hasil dapatan kajian maka dicadangkan perlu penambahbaik dalam meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa Melayu khususnya dari aspek kemahiran membaca bahasa Melayu dalam kalangan pelajar IPT di Thailand. Antaranya, pertama guru atau tenaga pengajar perlu mengenal pasti SPB yang manakah lebih dominan dengan keperluan atau kehendak pelajar. Kedua, cara dan kaedah penyampaian mesti dapat menarik minat pelajar untuk mengikuti dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan mempelbagaikan kaedah atau teknik pengajaran. Ketiga, pihak berkenaan sama ada pihak universiti ataupun Dewan Bahasa dan Pustaka Melayu Thailand (DBPMT) perlu membuat MOU atau kerjasama dengan IPT atau organisasi luar negara yang berkenaan seperti DBP Malaysia, ATMA UKM dan sebagainya bagi tujuan untuk meningkatkan dan memperkukuhkan lagi ilmu bahasa Melayu serta mengadakan aktiviti bahasa Melayu seperti minggu atau bulan bahasa dengan mengada pameran bahasa, pertandingan bahasa (pidato, sajak, pantun, anasyid dan sebagainya), selain itu, pihak berkenaan juga perlu menyediakan bahan rujukan sama ada berbentuk bahan cetak atau bahan elektronik dalam bahasa Melayu sebagai sumber rujukan pelajar dan orang awam.

#### **5.0 PENUTUP**

Berdasarkan dapatan kajian ini dapat disimpulkan bahawa tahap penguasaan membaca BM pelajar IPT adalah sederhana. Kelemahan pelajar dalam menguasai membaca BM disebabkan beberapa faktor antaranya minat dan motivasi, kaedah pengajaran dan pembelajaran dan cara penyampaian oleh guru serta kekurangan alat dan bahan bantu mengajar dan tidak dapat menarik minat pelajar untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi penggunaan SPB pula, pelajar IPT di wilayah Yala, Selatan Thailand lebih cenderung menggunakan pelbagai SPB dalam meningkatkan penguasaan dan kemahiran membaca BM. Kepelbagai SPB yang diamalkan oleh pelajar dalam kemahiran membaca membolehkan pelajar menguasai dan mempelajari BM dengan lebih baik dan berkesan.

Kepelbagaian SPB dapat membantu para pelajar untuk menguasai dan meningkatkan kemahiran berbahasa mereka. Pelajar yang kerap mengamalkan SPB membuatkan proses pembelajaran bahasa mereka lebih mudah dan cepat untuk menguasai kemahiran bahasa Melayu khususnya dari aspek kemahiran membaca. Kesemua SPB membaca ini boleh dijadikan rujukan kepada pelajar serta guru bahasa bagaimana teknik atau cara mengajar yang sesuai dengan keadaan setiap pelajar. Ia juga boleh menjadi panduan kepada guru untuk mempertingkatkan atau menambah variasi pengajaran di dalam kelas.

#### **RUJUKAN**

Abu Talib Abdullah. 1988. Gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan 4 daerah Johor Bahru. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Bangi: UKM.

- Ab. Razak Ab. Karim & Muhammad Saiful Haq Bin Hussin. 2011. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 22, 2011. Universiti Malaya.
- Bialystok, E. 1978. A theoretical model of second language learning. *Language Learning*, 28: 69-83.
- Fa'izah Abd. Manan, Mohammed Amin & Zamri Mahamod. 2010. Kerangka pembangunan dan penilaian modul belajar cara belajar bahasa Melayu pelajar asing institusi pengajian tinggi Malaysia. *ISSN: 1985-5826, Vol. 2, July 2010, 59-71*.
- Fathiyah Chapakiaya Omar Chapakia. 2008. Amalan Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Agama Rakyat Selatan Thailand: Kajian Kes di Sekolah Muslim Phatanasad. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hayati Lateh & Zaharani Ahmad. 2016. (Disunting oleh Fazal & Mohammad, 2016). *Syarat Kosa Kata Pinjaman Thai Dalam Dialek Melayu Patani: Analisis Tatatingkah Kekangan*. Penyelidikan Linguistik Moden. Bangi: Penerbit UKM.
- Hishamudin Isa, Abdonloh Khreeda-oh dan Mashetoh Abd Mutalib. 2017. Bahasa Melayu di Thailand: Cabaran dan saranan penyelesaiannya. *MAHAWANGSA 4 (1): 109- 122 (2017)*.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi. 2010. *Strategi pembelajaran bahasa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamsiah Abdullah. 2010. *Pendidikan Bahasa Melayu di Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norizah Adri. 2005. Sikap Terhadap bahasa Melayu dan Penggunaannya di Kalangan Pelajar Universiti di Selatan Thailand. Tesis PhD. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Nazali Abu Bakar. 1999. Strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan 4: Satu Tinjauan. Latihan Ilmiah. Fakulti Pendidikan, Bangi: UKM.
- O' Malley, J.M. & Chamot, A.V. 1990. *Learning strategies in second language acquisition*. New York: Cambridge University Press.
- Oxford, R. 1990. *Language learning strategies: Whats every teacher should know*. Rowley: Newbury House.
- Phaosan Jehwae. 2014. *Dilema Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pengantar Pembelajaran di Pondok Pesantren Patani Thailand Selatan*. Patani: Universiti Fatoni.
- Rahani Yusof. 1999. Strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di dua buah sekolah menengah di Sekinchan, Selangor: Satu tinjauan awal. Latihan Ilmiah. Fakulti pendidikan, Bangi: UKM.
- Rubin, J. 1975. Whats the language learner can teach us. *TESOL Quartely*, 9: 41-51.
- Wenden, A.L. 1991. *Learner strategies for learner autonomy: Planning and implementing training for language learners*. New Jersey: Prentice Hall.
- Wenden, A.L. & Rubin, J. 1987. *Learner strategies for language learning*. Eds. New Jersey: Prentice Hall.
- Worawit Baru. 1999. Dasar kerajaan dan kesannya terhadap bahasa Melayu di negara Thai. Tesis PhD. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Zamri Mahamod. 2004. Strategi pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Jamaluddin Badusah & Mohamed Amin Embi. 2006. Strategi pembelajaran bahasa Melayu antara pelajar pelbagai etnik: Satu kajian perbandingan. *Laporan Akhir Penyelidikan Fundamental GG/005/2004*. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Mohd Rahimi. 2010. *Strategi pembelajaran bahasa Melayu dan Inggeris pelajar cemerlang, Iventori: Strategi belajar-cara-belar-bahasa*. Fakulti pendidikan, Bangi: UKM.
- Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu dan Wan Muna Ruzanna. 2016. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan muid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, ISSN: 2180-4842. Vol. 6, Bil. 1 (Mei 2016): 38-51.